Proceedings Borneo International Islamic Conference; Vol. 17. 2026; 202-211
Published by Majmuah Enterprise
eISSN: 2948-5045

Transformasi Digital Institusi Zakat di Malaysia: Satu Analisis Berasaskan Kerangka Maqasid Syariah

MASNIH BINTI MUSTAPA[1, a] DAN NOR ALHANA ABD MALIK[2, b]

1Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Malaysia
2Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Malaysia
[a][masnih@uitm.edu.my] & [b][noral801@uitm.edu.my]

Abstrak

Transformasi digital telah mengubah landskap operasi institusi zakat di Malaysia, daripada sistem kutipan dan pengagihan manual kepada platform digital bersepadu yang merangkumi pembayaran dalam talian, aplikasi mudah alih, analitik data dan automasi proses. Perkembangan ini membawa pelbagai maslahah seperti peningkatan kecekapan, kebolehcapaian dan ketelusan, namun pada masa yang sama turut mendedahkan institusi zakat kepada mafsadah baharu seperti risiko privasi, kerentanan keselamatan siber dan kebergantungan berlebihan kepada sistem digital. Kajian konsep ini bertujuan meneliti fenomena transformasi digital institusi zakat di Malaysia menerusi lensa Maqasid Syariah bagi mengenal pasti bentuk maslahah dan mafsadah yang terhasil serta implikasinya terhadap lima daruriyyat, iaitu hifz al-din, hifz al-nafs, hifz al-'aql, hifz al-nasl dan hifz al-mal. Menerusi kaedah sintesis literatur dan analisis dokumentari terhadap laporan institusi, dasar rasmi serta kajian akademik bagi tempoh 2018 hingga 2026, kajian ini membangunkan satu kerangka konseptual bersepadu yang dinamakan Kerangka Tadbir Urus Digital Zakat Berasaskan Maqasid Syariah. Kerangka ini menghujahkan bahawa kecekapan teknologi semata-mata tidak mencukupi untuk menjamin pencapaian objektif Syariah, sebaliknya transformasi digital perlu disertai mekanisme tadbir urus yang menyeimbangkan penciptaan maslahah dengan pencegahan mafsadah secara serentak. Dapatan sintesis menunjukkan bahawa isu privasi data, bias algoritma dan keterasingan digital merupakan cabaran mafsadah paling ketara, manakala peningkatan ketelusan dan responsiviti perkhidmatan merupakan maslahah paling nyata daripada penggunaan teknologi digital. Kajian ini menyumbang kepada teori dengan memperluas aplikasi Maqasid Syariah kepada bidang transformasi institusi berasaskan digital, di samping menawarkan asas praktikal bagi pengauditan Maqasid dan penggubalan dasar tadbir urus digital zakat pada masa hadapan.

Kata Kunci: Transformasi Digital; Institusi Zakat; Maqasid Syariah; Maslahah dan Mafsadah; Tadbir Urus Digital Islam

1. Pengenalan

Transformasi digital pada hari ini bukan lagi sekadar proses menukar rekod fizikal kepada format elektronik, sebaliknya ia merupakan perubahan menyeluruh terhadap cara sesebuah organisasi beroperasi, membuat keputusan dan berhubung dengan pihak berkepentingan. Verhoef et al. (2021) menegaskan bahawa transformasi digital melibatkan penyusunan semula model perniagaan, proses dalaman serta struktur organisasi hasil daripada penggabungan teknologi maklumat, pengkomputeran, komunikasi dan capaian data secara bersepadu. Pandangan ini turut disokong oleh Hanelt et al. (2021) yang menghuraikan transformasi digital sebagai satu proses berperingkat yang mencabar norma organisasi sedia ada sehingga membawa kepada perubahan strategik jangka panjang, bukan sekadar penambahbaikan operasi jangka pendek. Justeru, organisasi yang benar-benar mengalami transformasi digital akan menyaksikan perubahan pada empat dimensi utama, iaitu perkhidmatan yang ditawarkan, proses dalaman, pengurusan data serta budaya membuat keputusan. Ciri-ciri ini amat relevan apabila dikaitkan dengan institusi berasaskan nilai seperti institusi zakat, kerana perubahan pada dimensi tersebut turut membawa implikasi terhadap nilai amanah, keadilan dan akauntabiliti yang menjadi asas pentadbiran zakat. Oleh sebab itu, memahami transformasi digital semata-mata sebagai pengenalan teknologi baharu adalah tidak mencukupi, sebaliknya ia perlu dilihat sebagai fenomena institusi yang turut membawa kesan etika dan tadbir urus yang lebih luas. Fenomena transformasi digital turut menular ke dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia sejak sedekad kebelakangan ini, terutamanya selepas pandemik yang mempercepatkan peralihan kepada perkhidmatan tanpa sentuhan fizikal. Institusi zakat negeri telah memperkenalkan aplikasi mudah alih, portal pembayaran dalam talian serta sistem pangkalan data bersepadu bagi menguruskan maklumat kutipan dan pengagihan zakat (Nazeri et al., 2023). Kajian oleh Saad et al. (2023) turut mendapati bahawa usaha reformasi pentadbiran zakat di Malaysia banyak tertumpu kepada penambahbaikan sumber teknologi dan persekitaran digital bagi meningkatkan hasil kutipan zakat secara lebih cekap dan sistematik. Selain itu, kajian Bin-Nashwan et al. (2023) mengenai penerimaan teknologi zakat atau ZakaTech turut menunjukkan bahawa faktor kepercayaan dan pengaruh sosial memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan penggunaan platform digital zakat dalam kalangan pembayar zakat. Perkembangan ini disokong pula oleh dapatan Ghofar et al. (2024) yang mendapati generasi muda Muslim di Malaysia dan Indonesia semakin cenderung menggunakan platform digital untuk menunaikan zakat berbanding kaedah konvensional. Namun begitu, tahap kematangan digital yang dicapai oleh setiap institusi zakat masih berbeza-beza, dan sebahagian daripadanya masih bergantung kepada gabungan sistem manual dan digital dalam operasi harian, sebagaimana dijelaskan dalam kajian

perbandingan pelaksanaan pembayaran zakat digital di rantau Asia Tenggara oleh Saro et al. (2023). Perkembangan teknologi digital dalam institusi zakat secara jelas membawa pelbagai bentuk maslahah yang selari dengan matlamat pentadbiran zakat yang cekap dan telus. Sistem digital membolehkan proses pendaftaran, bayaran dan pengesahan taburan zakat dilakukan dengan lebih pantas tanpa memerlukan kehadiran fizikal pembayar atau penerima zakat, sekali gus mengurangkan kos operasi dan masa pemprosesan. Ketelusan turut dipertingkatkan kerana rekod transaksi digital lebih mudah disemak, diaudit dan dilaporkan kepada pihak berkepentingan berbanding rekod manual yang terdedah kepada kesilapan atau kehilangan data. Hadi et al. (2024) mendapati bahawa penerapan sistem pelaporan zakat digital secara langsung memperkukuh akauntabiliti institusi zakat serta mempercepatkan pertumbuhan jumlah kutipan zakat kerana orang ramai lebih yakin dengan ketelusan pengurusan dana. Tambahan pula, keupayaan analitik data membolehkan institusi zakat mengenal pasti profil asnaf dengan lebih tepat, sekali gus meningkatkan responsiviti pengagihan bantuan mengikut keperluan sebenar golongan yang layak menerima zakat. Justeru, dapat dirumuskan bahawa maslahah utama transformasi digital zakat bukan sekadar kepantasan proses, sebaliknya turut merangkumi peningkatan kepercayaan awam yang menjadi tunjang kepada kelestarian sesebuah institusi zakat.

Sebaliknya, di sebalik pelbagai maslahah yang dibawa oleh transformasi digital, institusi zakat turut terdedah kepada risiko mafsadah yang tidak boleh dipandang ringan. Isu privasi data merupakan kebimbangan utama memandangkan maklumat sensitif seperti pendapatan, status kewangan dan latar belakang keluarga pembayar serta penerima zakat disimpan dalam pangkalan data digital yang berpotensi diceroboh atau disalahgunakan. Wicaksana et al. (2026) menegaskan bahawa pengumpulan data peribadi secara meluas tanpa mekanisme perlindungan yang mantap boleh mendedahkan individu kepada risiko pendedahan maklumat tanpa kebenaran, satu keadaan yang jelas bercanggah dengan prinsip amanah dalam pengurusan harta. Selain itu, kerentanan keselamatan siber turut menjadi ancaman serius kerana sebarang pencerobohan sistem boleh menjejaskan integriti data kutipan dan pengagihan zakat, sebagaimana dibincangkan oleh Katterbauer et al. (2022) dalam konteks jenayah kewangan digital institusi kewangan Islam secara umum. Penggunaan automasi dan analitik data yang semakin meluas turut membawa risiko bias algoritma apabila sistem yang tidak dilatih dengan pemahaman konteks tempatan secukupnya berpotensi menyasarkan bantuan secara tidak tepat kepada golongan asnaf. Tambahan pula, kebergantungan yang berlebihan kepada sistem digital tanpa pengawasan manusia yang mencukupi turut berisiko mewujudkan keterasingan digital dalam kalangan asnaf yang kurang celik teknologi, sekali gus menyekat capaian mereka kepada bantuan yang sepatutnya menjadi hak mereka. Oleh itu, jelas bahawa kecekapan teknologi semata-mata tidak boleh dijadikan penanda aras tunggal kejayaan transformasi digital zakat tanpa mempertimbangkan potensi mafsadah yang turut menyertainya.

Percanggahan antara maslahah dan mafsadah yang dihuraikan di atas menimbulkan persoalan asas tentang sejauh mana transformasi digital institusi zakat benar-benar selaras dengan objektif Syariah, bukan sekadar memenuhi tuntutan kecekapan operasi semasa. Kajian sedia ada tentang digitalisasi zakat di Malaysia lebih banyak tertumpu kepada aspek penerimaan teknologi, kepuasan pengguna dan prestasi kutipan, sebagaimana dapat dilihat dalam kajian Bin-Nashwan et al. (2023) dan Saro et al. (2023), namun kurang menyorot implikasi transformasi tersebut terhadap nilai-nilai Syariah secara menyeluruh. Jurang ini turut disokong oleh dapatan Mohammed (2024) yang mendapati kajian bertema Maqasid Syariah semakin berkembang merentas pelbagai bidang, tetapi aplikasinya dalam konteks tadbir urus institusi berasaskan digital seperti zakat masih terhad dan belum dioperasikan secara sistematik. Kekurangan ini turut ketara pada peringkat tadbir urus, kerana kebanyakan perbincangan sedia ada memisahkan isu teknologi dan isu Syariah sebagai dua bidang berasingan, sedangkan kedua-duanya sepatutnya dianalisis secara bersepadu bagi menghasilkan penilaian yang lebih holistik. Sehubungan itu, kajian ini berhujah bahawa penilaian transformasi digital institusi zakat memerlukan kerangka analitik yang mampu menimbang maslahah dan mafsadah secara serentak, sambil mengaitkannya dengan lima daruriyyat Maqasid Syariah dan keperluan tadbir urus yang berorientasikan hasil. Justeru, kajian konsep ini dibangunkan bagi mengisi jurang teori, jurang empirik dan jurang tadbir urus tersebut menerusi pembentukan satu kerangka bersepadu yang releven dengan konteks institusi zakat di Malaysia.

Bersandarkan kepada perbincangan tersebut, kajian ini digariskan dengan tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti bentuk dan ciri transformasi digital yang dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia, menganalisis implikasi transformasi tersebut terhadap maslahah, mafsadah dan lima daruriyyat Maqasid Syariah, serta membangunkan satu kerangka konseptual transformasi digital institusi zakat yang berteraskan Maqasid Syariah dan tadbir urus. Ketiga-tiga objektif ini saling berkait rapat kerana pengenalpastian bentuk transformasi digital menjadi asas kepada analisis maslahah-mafsadah, manakala hasil analisis tersebut pula membentuk justifikasi kepada kerangka konseptual yang dicadangkan. Kajian ini mengambil pendekatan interpretivis dengan meneliti makna, amalan dan implikasi transformasi digital menerusi dokumen, dasar dan platform institusi, bukan menerusi pengujian hipotesis berbentuk statistik. Pendekatan sedemikian dipilih kerana persoalan kajian ini bersifat konseptual dan interpretatif, dengan penekanan terhadap tafsiran teknologi dari sudut nilai Syariah berbanding sekadar pengukuran tahap penggunaan teknologi secara kuantitatif. Bahagian seterusnya kertas kerja ini akan menyorot sorotan literatur yang relevan sebelum membentangkan

kerangka konseptual, metodologi, dapatan sintesis dan perbincangan secara terperinci. Susunan ini bertujuan memastikan hujah kajian berkembang secara logik daripada asas teori kepada cadangan kerangka yang boleh diaplikasikan dalam konteks tadbir urus institusi zakat di Malaysia.

2. Sorotan Kajian

Sebelum meneliti transformasi digital institusi zakat secara khusus, adalah penting untuk membezakan tiga konsep asas yang sering disamakan dalam perbincangan literatur, iaitu pendigitalan maklumat, pendigitalan proses dan transformasi digital itu sendiri. Pendigitalan maklumat merujuk kepada penukaran data daripada format fizikal kepada format elektronik semata-mata, seperti mengimbas dokumen kertas menjadi fail PDF tanpa mengubah cara data tersebut digunakan. Pendigitalan proses pula melibatkan automasi terhadap aktiviti tertentu dalam organisasi, misalnya menggantikan borang manual dengan borang dalam talian, namun struktur kerja keseluruhan kekal tidak berubah. Transformasi digital sebaliknya membawa maksud yang lebih luas kerana ia melibatkan perubahan menyeluruh terhadap model operasi, budaya organisasi dan hubungan dengan pihak berkepentingan hasil daripada penggabungan teknologi secara strategik (Verhoef et al., 2021; Hanelt et al., 2021). Perbezaan ini penting kerana ramai pengamal cenderung menganggap kewujudan aplikasi mudah alih atau laman sesawang sebagai bukti lengkap transformasi digital, sedangkan hakikatnya perubahan tersebut mungkin hanya setakat peringkat pendigitalan proses. Justeru, kajian ini menggunakan definisi operasional bahawa transformasi digital institusi zakat merangkumi perubahan pada empat dimensi utama, iaitu kutipan, pengagihan, pengurusan data serta pembuatan keputusan, bukan sekadar kehadiran teknologi pada peringkat permukaan sahaja. Kajian literatur berkaitan transformasi digital institusi zakat di Malaysia menunjukkan trend perkembangan yang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya berkaitan penggunaan teknologi blockchain, aplikasi mudah alih dan sistem pembayaran dalam talian. Nazeri et al. (2023) misalnya meneliti potensi penggunaan teknologi blockchain dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia dan mendapati teknologi tersebut mampu meningkatkan ketelusan serta kebolehjejakan aliran dana zakat daripada pembayar sehingga ke penerima akhir. Kajian Saad et al. (2023) pula menyorot keperluan reformasi pentadbiran zakat dari sudut persekitaran, sumber dan sejarah organisasi bagi mencapai hasil kutipan yang lebih cekap, dengan penekanan khusus terhadap peranan sumber teknologi sebagai salah satu input penting transformasi tersebut. Selain aspek pentadbiran, aspek penerimaan pengguna turut mendapat perhatian meluas, sebagaimana kajian Bin-Nashwan et al. (2023) yang mendapati faktor sosial seperti kepercayaan dan pengaruh rakan sebaya mempengaruhi penerimaan teknologi ZakaTech dalam kalangan pembayar zakat semasa tempoh pandemik. Dapatan ini disokong oleh kajian perbandingan serantau Saro et al. (2023) yang mendapati pelaksanaan pembayaran zakat digital di Malaysia dan negara jiran menunjukkan variasi tahap kematangan bergantung kepada infrastruktur digital dan tahap literasi kewangan masyarakat setempat. Secara keseluruhan, literatur sedia ada memberi gambaran jelas tentang bentuk teknologi yang digunakan serta faktor penerimaannya, namun kurang menghuraikan implikasi teknologi tersebut terhadap nilai dan matlamat Syariah yang mendasari institusi zakat.

Selain aspek teknologi, tadbir urus turut menjadi tema penting dalam kajian institusi zakat kerana institusi ini beroperasi berasaskan amanah awam yang menuntut akauntabiliti tinggi. Prinsip tadbir urus Islam bagi institusi zakat lazimnya merangkumi lima elemen utama, iaitu amanah, keadilan, akauntabiliti, ketelusan dan perlindungan harta, yang kesemuanya bertujuan memastikan dana zakat diuruskan mengikut kehendak Syarak serta hak sebenar asnaf. Hadi et al. (2024) mendapati peningkatan ketelusan pelaporan zakat secara digital mempunyai hubungan signifikan dengan tahap akauntabiliti institusi serta pertumbuhan kutipan zakat, menunjukkan bahawa teknologi digital sebenarnya boleh menjadi pemangkin kepada pengukuhan tadbir urus apabila diurus dengan baik. Namun begitu, pengukuhan tadbir urus digital turut memerlukan mekanisme kawalan tambahan seperti pengauditan sistem, polisi perlindungan data dan pengawasan manusia terhadap keputusan automatik, sebagaimana ditekankan dalam perbincangan tadbir urus kewangan Islam berasaskan kecerdasan buatan oleh Mbaidin et al. (2023). Tanpa mekanisme sedemikian, potensi penyalahgunaan teknologi atau kesilapan sistem berisiko menjejaskan kepercayaan awam yang menjadi asas kepada kelangsungan institusi zakat itu sendiri. Oleh itu, tadbir urus digital zakat perlu difahami sebagai gabungan antara nilai tadbir urus Islam tradisional dengan keperluan kawalan teknologi kontemporari, bukan sekadar pematuhan prosedur pentadbiran semata-mata. Maqasid Syariah merupakan salah satu kerangka analitik utama dalam kajian Islam kontemporari yang bertujuan memahami hikmah serta matlamat sebenar di sebalik hukum Syarak, bukan sekadar tumpuan kepada bentuk zahir sesuatu perbuatan. Wacana Maqasid moden banyak dipengaruhi oleh pemikir kontemporari seperti Jasser Auda, yang menghujahkan bahawa kerangka Maqasid perlu dikembangkan daripada pendekatan yang bersifat literal dan terhad kepada pendekatan yang lebih sistemik, holistik dan terbuka kepada disiplin ilmu moden termasuk sains dan teknologi (Auda, 2022). Kajian saintometrik oleh Mohammed (2024) turut mengesahkan bahawa penyelidikan bertemakan Maqasid Syariah semakin berkembang merentas pelbagai bidang termasuk perbankan, perubatan dan teknologi, dengan Malaysia dan Indonesia mencatatkan sumbangan penerbitan yang tinggi dalam bidang ini. Teras kepada kerangka Maqasid ialah lima daruriyyat atau keperluan asasi manusia, iaitu hifz al-din bagi perlindungan agama, hifz al-nafs bagi perlindungan nyawa, hifz al-'aql bagi perlindungan akal, hifz al-nasl bagi perlindungan keturunan dan hifz al-mal bagi perlindungan harta. Kelima-lima daruriyyat ini menyediakan asas penilaian yang menyeluruh kerana setiap tindakan atau

dasar, termasuk penggunaan teknologi digital, sepatutnya dinilai dari sudut sejauh mana ia melindungi atau sebaliknya mengancam kelima-lima keperluan tersebut. Justeru, kerangka Maqasid Syariah amat sesuai digunakan sebagai lensa analitik bagi menilai fenomena transformasi digital institusi zakat kerana ia membolehkan penilaian dibuat secara bersepadu, bukan terhad kepada aspek kecekapan teknikal semata-mata. Konsep maslahah dan mafsadah merupakan komponen penting dalam kerangka Maqasid Syariah kerana kedua-duanya menjadi asas penilaian sama ada sesuatu tindakan membawa kebaikan atau kemudaratan kepada manusia. Dalam konteks teknologi digital dan kecerdasan buatan, Elmahjub (2023) menghujahkan bahawa konsep maslahah amat relevan dijadikan panduan normatif bagi menilai etika penggunaan teknologi tersebut, memandangkan sumber wahyu tidak selalu menyediakan hukum eksplisit terhadap isu teknologi kontemporari. Pandangan ini turut disokong oleh Kannike dan Fahm (2025) yang menegaskan bahawa tadbir urus etika kecerdasan buatan dari perspektif Islam perlu menyeimbangkan potensi maslahah seperti kecekapan dan capaian meluas dengan potensi mafsadah seperti pencerobohan privasi dan ketidakadilan algoritma. Sehubungan itu, Ahmad dan Zainan (2025) turut mencadangkan bahawa tadbir urus Syariah bagi teknologi kecerdasan buatan dalam institusi kewangan Islam perlu memastikan setiap inovasi teknologi disertai penilaian Maqasid yang menyeluruh sebelum diguna pakai secara meluas. Dalam konteks zakat, dualiti maslahah-mafsadah ini amat ketara kerana teknologi yang sama boleh membawa kecekapan pengagihan pada satu sudut, namun turut berpotensi mewujudkan risiko privasi dan bias pada sudut yang lain. Oleh itu, penilaian transformasi digital zakat memerlukan lensa dwi-dimensi yang meneliti maslahah dan mafsadah secara serentak, bukan menilai salah satu sahaja secara berasingan.

Sorotan literatur menunjukkan tiga aliran perbincangan yang agak terpisah antara satu sama lain, iaitu kajian teknikal tentang bentuk dan penerimaan teknologi zakat, kajian tadbir urus tentang akauntabiliti dan ketelusan institusi, serta kajian teori tentang Maqasid Syariah dan etika teknologi secara umum. Kajian tentang digitalisasi zakat seperti Nazeri et al. (2023), Bin-Nashwan et al. (2023) dan Ghofar et al. (2024) lebih bersifat deskriptif dan berorientasikan penerimaan teknologi, manakala kajian tentang Maqasid dan etika teknologi seperti Elmahjub (2023) dan Auda (2022) pula bersifat teoretikal tanpa pengoperasian khusus dalam konteks institusi zakat. Sementara itu, kajian tadbir urus digital kewangan Islam seperti Mbaidin et al. (2023) dan Wahab dan Mahdiya (2025) memberi tumpuan kepada institusi perbankan dan kewangan Islam secara umum, bukan institusi zakat yang mempunyai ciri sosial dan kebajikan tersendiri. Kekosongan inilah yang cuba diisi oleh kajian ini, iaitu menghubungkan tiga aliran perbincangan tersebut menerusi satu kerangka bersepadu yang menganalisis bentuk transformasi digital, implikasi maslahah-mafsadah serta keperluan tadbir urus zakat secara serentak menerusi lensa Maqasid Syariah. Pendekatan bersepadu ini penting kerana penilaian yang terpisah antara aspek teknikal, tadbir urus dan teori berisiko menghasilkan kesimpulan yang tidak lengkap tentang kesan sebenar transformasi digital terhadap matlamat Syariah institusi zakat. Bahagian seterusnya akan membentangkan kerangka konseptual yang dibangunkan hasil sintesis ketiga-tiga aliran literatur tersebut.

3. Kerangka Konseptual

Berdasarkan sintesis literatur yang dibincangkan sebelum ini, kajian ini membangunkan satu kerangka konseptual yang menghubungkan enam komponen utama secara berurutan, iaitu keupayaan digital, transformasi digital institusi, kawalan maslahah dan mafsadah, keselarasan dengan Maqasid Syariah, tadbir urus digital yang dipercayai serta impak zakat yang lestari. Susunan ini bermula daripada keupayaan digital sebagai input asas, merangkumi infrastruktur, integrasi data, automasi proses dan analitik data yang dimiliki oleh sesebuah institusi zakat. Keupayaan tersebut kemudiannya diterjemahkan kepada transformasi digital pada peringkat institusi, yang seterusnya menghasilkan dua kesan serentak, iaitu penciptaan maslahah seperti kecekapan dan ketelusan, serta potensi mafsadah seperti risiko privasi dan bias algoritma. Kedua-dua kesan ini perlu dinilai dan diselaraskan dengan lima daruriyyat Maqasid Syariah sebelum ia dapat disifatkan sebagai transformasi yang benar-benar mencapai maslahah Syariah, bukan sekadar kecekapan teknikal semata-mata. Hasil penyelarasan ini seterusnya membentuk asas kepada tadbir urus digital yang dipercayai, iaitu tadbir urus yang menggabungkan nilai amanah, keadilan dan ketelusan dengan mekanisme kawalan teknologi seperti pengauditan sistem dan pengawasan manusia. Akhir sekali, tadbir urus yang mantap inilah yang menentukan sama ada transformasi digital institusi zakat dapat menghasilkan impak zakat yang lestari dalam jangka panjang, bukan sekadar peningkatan angka kutipan pada jangka pendek.

Keupayaan Digital → Transformasi Digital Institusi → Kawalan Maslahah dan Mafsadah → Keselarasan Maqasid Syariah → Tadbir Urus Digital Dipercayai → Impak Zakat Lestari

Setiap komponen dalam kerangka ini disusun berdasarkan penanda operasional yang dapat dikenal pasti daripada dokumen dan amalan institusi zakat sedia ada, sebagaimana dirumuskan dalam Jadual 1. Dimensi maslahah merangkumi kecekapan, kebolehcapaian, ketelusan, ketepatan, kebertanggungjawaban dan responsiviti perkhidmatan, manakala dimensi mafsadah pula merangkumi risiko privasi, kerentanan keselamatan siber, keterasingan digital, bias algoritma dan penyalahgunaan data. Dimensi keselarasan Maqasid Syariah pula dipetakan kepada lima daruriyyat, iaitu hifz al-din, hifz al-nafs, hifz al-'aql, hifz al-nasl dan hifz al-mal, bagi memastikan penilaian dibuat secara menyeluruh merentasi keperluan

asasi manusia. Dimensi hasil tadbir urus akhirnya merangkumi elemen amanah, keadilan, ketelusan, kebertanggungjawaban, pengawasan manusia dan keselarasan Syariah sebagai penanda kejayaan tadbir urus digital zakat. Kerangka ini bersifat berlapis kerana setiap dimensi saling mempengaruhi dimensi seterusnya, dengan kelemahan pada satu peringkat berpotensi menjejaskan pencapaian pada peringkat berikutnya. Justeru, pendekatan berlapis ini membolehkan kerangka konseptual ini digunakan bukan sekadar sebagai alat deskriptif, sebaliknya turut berfungsi sebagai alat diagnostik bagi mengenal pasti punca kegagalan sesuatu transformasi digital mencapai matlamat Syariahnya.

Jadual 1: Pemetaan Komponen Kerangka Konseptual Kajian

Komponen Kerangka	Dimensi / Penanda Operasional
Keupayaan Digital	Infrastruktur digital; integrasi data; automasi proses; analitik data/AI; kebolehcapaian digital
Transformasi Digital Institusi	Kutipan digital; pengagihan digital; perkhidmatan digital kepada asnaf
Maslahah	Kecekapan; kebolehcapaian; ketelusan; ketepatan; kebertanggungjawaban; responsiviti
Mafsadah	Privasi; keselamatan siber; keterasingan digital; bias algoritma; penyalahgunaan data
Keselarasan Maqasid Syariah	Hifz al-Din; Hifz al-Nafs; Hifz al-'Aql; Hifz al-Nasl; Hifz al-Mal
Hasil Tadbir Urus	Amanah; keadilan; ketelusan; kebertanggungjawaban; pengawasan manusia; keselarasan Syariah

Pemetaan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa hubungan antara maslahah, mafsadah dan lima daruriyyat tidak bersifat linear semata-mata, sebaliknya saling bersilang antara satu sama lain. Sebagai contoh, peningkatan kecekapan pengagihan zakat menerusi automasi data boleh menyumbang kepada hifz al-mal melalui pengurangan penyelewengan dana, namun pada masa yang sama turut berpotensi menjejaskan hifz al-nafs sekiranya sistem automatik tersilap mengecualikan asnaf yang benar-benar layak menerima bantuan. Percanggahan sedemikian menunjukkan bahawa penilaian Maqasid terhadap transformasi digital tidak boleh dibuat secara tunggal bagi setiap teknologi, sebaliknya perlu mengambil kira kesan rentas dimensi yang mungkin berlaku secara serentak. Justeru, elemen tadbir urus memainkan peranan penting sebagai mekanisme penyeimbang bagi memastikan sebarang percanggahan antara dimensi dapat dikenal pasti dan ditangani lebih awal sebelum ia membawa kesan mafsadah yang lebih besar. Kerangka ini seterusnya menjadi asas rujukan bagi metodologi kajian yang dibincangkan pada bahagian berikut, khususnya dalam menentukan unit analisis dan kaedah pengekodan tematik yang digunakan. Oleh yang demikian, kerangka konseptual ini bukan sahaja berfungsi sebagai sumbangan teori, tetapi turut menyediakan struktur praktikal bagi kajian lanjutan yang berhasrat mengaplikasikannya ke atas data institusi sebenar. Struktur ini juga membolehkan penyelidik akan datang mengukur tahap kematangan Maqasid sesebuah institusi zakat secara lebih sistematik berbanding penilaian berasaskan tanggapan am semata-mata.

4. Persoalan Kajian

Bersandarkan kerangka konseptual yang dibentangkan, kajian ini dipandu oleh empat persoalan kajian berikut:

1. Apakah bentuk dan ciri utama transformasi digital institusi zakat di Malaysia?
2. Apakah bentuk maslahah dan mafsadah yang timbul akibat transformasi digital institusi zakat?
3. Bagaimanakah transformasi digital institusi zakat dapat ditafsirkan berdasarkan lima daruriyyat Maqasid Syariah?
4. Apakah prinsip tadbir urus yang diperlukan bagi memastikan transformasi digital institusi zakat selaras dengan Maqasid Syariah?

5. Kepentingan Kajian

Kajian ini menawarkan sumbangan penting dari sudut teori dengan memperluas skop aplikasi Maqasid Syariah daripada fokus tradisional terhadap hukum muamalat dan kewangan Islam kepada bidang transformasi institusi berasaskan digital yang lebih kontemporari. Selama ini, kebanyakan kajian Maqasid tertumpu kepada penilaian produk kewangan Islam atau isu fiqh muamalat, sedangkan isu tadbir urus teknologi turut memerlukan penilaian Maqasid yang setanding, khususnya bagi institusi yang menguruskan harta awam seperti zakat. Sumbangan teori ini juga selari dengan cadangan Auda (2022) yang menyeru pengembangan metodologi Maqasid supaya lebih terbuka kepada disiplin ilmu kontemporari termasuk sains komputer dan tadbir urus organisasi. Dari sudut empirik pula, kajian ini mensintesis pelbagai dapatan berselerak tentang amalan dan implikasi transformasi digital institusi zakat di Malaysia yang selama ini dibincangkan secara berasingan mengikut disiplin masing-masing. Sintesis ini penting kerana ia menyediakan gambaran

menyeluruh yang lebih mudah difahami oleh penyelidik, pengamal dan penggubal dasar berbanding perlu merujuk pelbagai kajian berasingan yang tidak saling berhubung. Justeru, kajian ini berfungsi sebagai titik pertemuan antara kajian teknologi zakat, kajian tadbir urus Islam dan kajian teori Maqasid Syariah yang selama ini berkembang secara berasingan.

Selain sumbangan teori dan empirik, kajian ini turut membawa kepentingan praktikal yang signifikan kepada pengamal institusi zakat, khususnya dalam konteks pengauditan dan penilaian transformasi digital yang sedang atau bakal dilaksanakan. Kerangka konseptual yang dibangunkan boleh dijadikan senarai semak awal bagi pihak pengurusan institusi zakat menilai sama ada sesuatu inisiatif digital baharu telah mengambil kira potensi maslahah dan mafsadah secara seimbang sebelum ia dilaksanakan secara meluas. Penilaian awal sedemikian penting bagi mengelakkan kos pembetulan yang lebih tinggi sekiranya sesuatu masalah privasi atau bias algoritma hanya dikesan selepas sistem digunakan secara meluas oleh orang ramai. Selain itu, kerangka ini turut boleh digunakan oleh jawatankuasa Syariah institusi zakat sebagai panduan tambahan semasa menilai pematuhan Syariah terhadap sistem teknologi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan atau pembekal teknologi luar. Melalui pendekatan ini, penilaian Syariah tidak lagi tertumpu semata-mata kepada aspek kehalalan produk kewangan, sebaliknya turut merangkumi aspek etika penggunaan data dan teknologi yang semakin relevan pada masa kini. Kepentingan praktikal ini menjadikan kajian ini relevan bukan sahaja kepada golongan akademik, tetapi turut releven kepada pengamal industri zakat yang berhadapan dengan cabaran transformasi digital secara harian.

Akhir sekali, kajian ini turut menyumbang kepada penggubalan dasar dengan menyediakan asas awal bagi pembentukan garis panduan tadbir urus digital zakat yang berteraskan Maqasid Syariah pada peringkat kebangsaan. Pada masa ini, kebanyakan garis panduan berkaitan digitalisasi institusi kewangan Islam lebih tertumpu kepada sektor perbankan dan takaful, sedangkan institusi zakat turut memerlukan garis panduan khusus memandangkan sifatnya yang lebih berorientasikan kebajikan dan bukan keuntungan. Cadangan Wahab dan Mahdiya (2025) tentang keperluan tadbir urus Syariah berasaskan kecerdasan buatan bagi institusi kewangan Islam turut releven dijadikan rujukan dalam membentuk garis panduan setara bagi institusi zakat, walaupun konteks operasinya agak berbeza. Penggubal dasar seperti pihak berkuasa agama negeri boleh menggunakan kerangka ini sebagai rujukan awal semasa menilai cadangan pelaburan teknologi baharu daripada pembekal sistem luar. Penggunaan kerangka berasaskan Maqasid ini penting bagi memastikan keputusan pelaburan teknologi tidak semata-mata dipandu oleh pertimbangan kos dan kecekapan, sebaliknya turut mengambil kira kesan jangka panjang terhadap kepercayaan awam dan pematuhan Syariah. Oleh itu, kajian ini membuka ruang perbincangan dasar yang lebih meluas tentang keperluan rangka kerja kebangsaan bagi tadbir urus digital institusi zakat di Malaysia.

6. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk sintesis konseptual melalui analisis dokumen dan analisis tematik bagi membangunkan kerangka teori berasaskan Maqasid Syariah. Pendekatan ini dipilih kerana kajian menumpukan tafsiran terhadap amalan, makna dan implikasi transformasi digital dalam pengurusan zakat, manakala unit analisis melibatkan amalan digital serta pengaturan tadbir urus institusi zakat. Korpus data merangkumi laporan institusi, dokumen dasar dan garis panduan rasmi, laman sesawang serta aplikasi digital institusi zakat dan literatur akademik berkaitan transformasi digital, Maqasid Syariah dan tadbir urus Islam bagi tempoh 2018 hingga 2026. Pensampelan bertujuan digunakan berdasarkan kriteria autoriti sumber, kesesuaian tempoh dan kerelevanan kandungan, manakala dokumen pendua, tidak dapat disahkan atau bersifat promosi semata-mata dikecualikan. Analisis data menggabungkan pendekatan deduktif dan induktif, dengan lima daruriyyat Maqasid Syariah digunakan sebagai kategori awal, sementara tema baharu seperti keselamatan siber, kecerdasan buatan, digital dan integrasi data dikenal pasti melalui analisis bahan. Proses perbandingan merentas sumber dan triangulasi digunakan bagi meningkatkan keteguhan tafsiran, manakala kebolehpercayaan kajian diperkukuh melalui kredibiliti, kebolehbergantungan, kesahihan pengesahan dan kebolehpindahan sebagaimana dihuraikan oleh Ahmed (2024) dan selaras dengan panduan Naeem et al. (2023).

7. Dapatan Sintesis: Transformasi Digital, Maslahah-Mafsadah dan Maqasid Syariah

7.1 Landskap Transformasi Digital Institusi Zakat

Hasil sintesis literatur dan dokumen rasmi yang dikaji menunjukkan bahawa landskap transformasi digital institusi zakat di Malaysia kini merangkumi empat bentuk utama, iaitu transformasi pembayaran digital, transformasi perkhidmatan digital, integrasi data dan sistem, serta automasi dan penggunaan teknologi pintar. Transformasi pembayaran digital paling ketara dilihat menerusi kepelbagaian saluran pembayaran zakat dalam talian, termasuk aplikasi mudah alih institusi zakat negeri, perbankan internet serta dompet digital pihak ketiga (Nazeri et al., 2023; Ghofar et al., 2024). Transformasi perkhidmatan digital pula merangkumi penyediaan maklumat, kalkulator zakat serta saluran aduan dan pertanyaan secara dalam talian, yang secara langsung mengurangkan keperluan pembayar zakat hadir secara fizikal ke kaunter institusi. Integrasi data dan sistem melibatkan usaha menyelaraskan pangkalan data antara unit kutipan, unit pengagihan dan unit pendaftaran asnaf supaya maklumat dapat dikongsi secara lebih cekap dalam sesebuah institusi. Automasi dan teknologi pintar pula mula diterokai secara berperingkat, termasuk penggunaan analitik data bagi profil

asnaf dan penerokaan awal teknologi blockchain bagi tujuan ketelusan (Nazeri et al., 2023). Keempat-empat bentuk transformasi ini menunjukkan peralihan institusi zakat daripada model operasi berasaskan kaunter fizikal kepada model operasi hibrid yang menggabungkan saluran fizikal dan digital secara serentak.

7.2 Maslahah Digital dalam Pengurusan Zakat

Daripada sudut maslahah, sintesis dokumen dan literatur menunjukkan bahawa peningkatan kebolehcapaian merupakan maslahah paling ketara dilaporkan, kerana pembayar zakat kini dapat menunaikan zakat pada bila-bila masa tanpa terikat dengan waktu operasi kaunter fizikal. Kecekapan operasi turut meningkat secara signifikan kerana proses pengesahan pembayaran dan kemas kini rekod dapat dilakukan secara automatik, mengurangkan beban kerja manual kakitangan institusi zakat. Peningkatan ketelusan turut dikenal pasti sebagai maslahah penting, khususnya menerusi penyediaan laporan kutipan dan pengagihan yang lebih kerap dan mudah diakses oleh orang ramai berbanding sebelum era digital. Peningkatan ketepatan turut ketara kerana sistem digital dapat mengurangkan kesilapan pengiraan dan kemasukan data berbanding kaedah manual yang lebih terdedah kepada kesilapan manusia. Pengukuhan kebertanggungjawaban turut dilihat menerusi keupayaan sistem digital menjejak setiap transaksi secara terperinci, membolehkan sebarang percanggahan dikesan dan disiasat dengan lebih pantas. Kelima-lima bentuk maslahah ini secara kolektif menyumbang kepada peningkatan kepercayaan awam terhadap institusi zakat, satu unsur yang amat penting bagi kelestarian jangka panjang sesebuah institusi berasaskan sumbangan sukarela masyarakat.

7.3 Mafsadah Digital dan Risiko Tadbir Urus

Sebaliknya, daripada sudut mafsadah, isu privasi data dikenal pasti sebagai kebimbangan paling kerap dibincangkan dalam literatur berkaitan digitalisasi institusi kewangan Islam secara umum, termasuk institusi zakat (Wicaksana et al., 2026). Kerentanan keselamatan siber turut menjadi isu penting memandangkan pangkalan data zakat menyimpan maklumat kewangan sensitif yang boleh menjadi sasaran pencerobohan, sebagaimana dibincangkan dalam konteks jenayah kewangan digital institusi kewangan Islam oleh Katterbauer et al. (2022). Keterasingan digital dikenal pasti sebagai risiko tambahan, khususnya bagi golongan asnaf yang lebih tua atau kurang celik teknologi, yang mungkin mengalami kesukaran mengakses bantuan sekiranya institusi terlalu bergantung kepada saluran digital semata-mata. Risiko bias algoritma turut dikenal pasti apabila sistem analitik data digunakan untuk menentukan keutamaan pengagihan tanpa mekanisme semakan manusia yang mencukupi, berpotensi menyebabkan sesetengah golongan tersasar daripada bantuan yang sepatutnya mereka terima. Penyalahgunaan data turut menjadi kebimbangan sekiranya maklumat peribadi pembayar dan penerima zakat dikongsi dengan pihak ketiga tanpa kebenaran yang jelas, satu isu yang turut disentuh dalam perbincangan tadbir urus kecerdasan buatan institusi kewangan Islam oleh Mbaidin et al. (2023). Kelima-lima bentuk mafsadah ini menunjukkan bahawa transformasi digital zakat, sekiranya tidak diurus dengan berhati-hati, berpotensi mewujudkan kesan sampingan yang bercanggah dengan matlamat asal penubuhan institusi zakat itu sendiri.

7.4 Pemetaan kepada Lima Daruriyyat dan Tema Tadbir Urus

Bagi menghubungkan dapatan maslahah dan mafsadah tersebut dengan kerangka Maqasid Syariah, Jadual 2 memetakan setiap bentuk transformasi digital kepada lima daruriyyat yang berkaitan berdasarkan sintesis perbincangan literatur yang telah dihuraikan.

Jadual 2: Pemetaan Transformasi Digital Zakat kepada Lima Daruriyyat Maqasid Syariah

Daruriyyat	**Kaitan dengan Transformasi Digital Zakat**
Hifz al-Din	Integriti pelaksanaan rukun zakat menerusi sistem kutipan dan pengagihan yang telus serta boleh diaudit
Hifz al-Nafs	Keterangkuman digital dan capaian saksama kepada bantuan bagi golongan asnaf, termasuk yang kurang celik teknologi
Hifz al-'Aql	Literasi digital dan literasi kecerdasan buatan dalam kalangan pengguna, kakitangan dan pengamal institusi
Hifz al-Nasl	Kesejahteraan keluarga asnaf hasil ketepatan, konsistensi dan responsiviti pengagihan bantuan
Hifz al-Mal	Integriti data, keselamatan siber dan pencegahan penyelewengan atau kebocoran dana zakat

Pemetaan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa hifz al-mal paling banyak terkesan oleh transformasi digital zakat, memandangkan hampir keseluruhan proses kutipan dan pengagihan zakat melibatkan pengurusan harta secara langsung.

Hifz al-nafs turut terkesan secara signifikan menerusi isu keterangkuman digital, kerana capaian kepada bantuan zakat merupakan sebahagian daripada usaha memelihara kesejahteraan hidup golongan asnaf. Hifz al-'aql pula releven dikaitkan dengan keperluan literasi digital dan literasi kecerdasan buatan, memandangkan pemahaman yang mencukupi tentang teknologi menjadi prasyarat kepada penggunaan sistem digital secara selamat dan berkesan. Hifz al-din dan hifz al-nasl pula lebih bersifat tidak langsung, namun tetap releven dikaitkan dengan integriti pelaksanaan zakat sebagai rukun Islam serta kesejahteraan keluarga asnaf yang menerima manfaat daripada pengagihan zakat yang tepat. Pemetaan sedemikian perlu difahami sebagai pengoperasian dimensi yang dapat diperhatikan dalam konteks zakat digital, bukan sebagai reduksi mutlak kelima-lima daruriyyat kepada penunjuk teknologi semata-mata. Justeru, jadual ini berfungsi sebagai alat panduan awal bagi memudahkan pengauditan Maqasid terhadap sistem digital zakat, bukan sebagai formula tetap yang terpakai secara seragam bagi setiap institusi. Selain pemetaan kepada lima daruriyyat, sintesis dokumen turut mengenal pasti beberapa tema tadbir urus yang releven merentasi keseluruhan dimensi transformasi digital zakat. Tema amanah kekal menjadi asas utama, kerana kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat bergantung sepenuhnya kepada keyakinan bahawa dana yang diamanahkan diuruskan dengan jujur, sama ada menerusi saluran manual mahupun digital. Tema keadilan pula releven dikaitkan dengan keperluan memastikan sistem digital tidak mewujudkan diskriminasi tersembunyi terhadap mana-mana golongan asnaf akibat had teknologi atau bias data. Tema ketelusan dan kebertanggungjawaban saling berkait rapat, kerana ketelusan pelaporan digital hanya bermakna sekiranya disertai mekanisme kebertanggungjawaban yang jelas apabila berlaku kesilapan atau penyelewengan. Tema perlindungan data dan pengawasan manusia pula muncul sebagai tema baharu hasil pengekodan induktif, mencerminkan keperluan tadbir urus kontemporari yang tidak sepenuhnya wujud dalam wacana tadbir urus zakat tradisional. Kelima-lima tema ini secara kolektif membentuk asas kepada komponen hasil tadbir urus dalam kerangka konseptual yang dibentangkan sebelum ini, sekali gus mengesahkan kesepaduan antara sorotan literatur, kerangka konseptual dan dapatan sintesis kajian ini.

8. Perbincangan

Dapatan sintesis kajian ini membawa beberapa implikasi teori yang penting kepada wacana transformasi digital institusi Islam secara umum. Pertama, kajian ini mengesahkan bahawa transformasi digital institusi zakat perlu difahami melangkaui sekadar pendigitalan maklumat atau proses, sebaliknya sebagai perubahan institusi yang turut membawa kesan etika dan Syariah yang mendalam. Kedua, kajian ini menghujahkan bahawa kecekapan teknologi bukanlah maqasid itu sendiri, sebaliknya hanya berfungsi sebagai instrumen bagi mencapai maqasid yang lebih besar seperti keadilan pengagihan dan perlindungan harta ummah. Percanggahan antara kedua-dua kedudukan ini penting kerana ramai pengamal industri cenderung menyamakan kejayaan digitalisasi dengan peningkatan angka kutipan semata-mata, tanpa menilai sejauh mana peningkatan tersebut turut disertai pemeliharaan nilai Syariah yang lebih luas. Ketiga, kajian ini menyumbang kepada teori tadbir urus Islam dengan menunjukkan bahawa tadbir urus digital memerlukan penambahan dimensi baharu seperti perlindungan data dan pengawasan algoritma, selain elemen tradisional seperti amanah dan keadilan. Justeru, sumbangan teori kajian ini terletak pada usaha menghubungkan tiga bidang ilmu yang selama ini berkembang secara berasingan, iaitu teori transformasi digital, teori Maqasid Syariah dan teori tadbir urus Islam. Dari sudut praktikal, kajian ini mencadangkan beberapa prinsip panduan bagi pengamal institusi zakat dalam melaksanakan transformasi digital secara bertanggungjawab. Prinsip pertama ialah mengutamakan saluran digital tanpa sepenuhnya meninggalkan saluran fizikal, bagi memastikan golongan asnaf yang kurang celik teknologi tidak tersisih daripada capaian bantuan zakat. Prinsip kedua ialah menerapkan reka bentuk mesra privasi sejak peringkat awal pembangunan sistem, bukan menambah ciri perlindungan data selepas sistem siap dibangunkan dan mula digunakan secara meluas. Prinsip ketiga ialah menerapkan reka bentuk mesra keselamatan siber, termasuk pengauditan sistem secara berkala bagi mengesan kelemahan sebelum ia dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Prinsip keempat ialah memastikan pengawasan manusia kekal wujud dalam keputusan penting yang melibatkan pengagihan bantuan, walaupun sistem automatik digunakan bagi mempercepatkan proses awal saringan. Prinsip kelima ialah melaksanakan pengauditan Maqasid secara berkala terhadap setiap inisiatif digital baharu, bagi memastikan setiap teknologi yang diguna pakai benar-benar menyumbang kepada maslahah tanpa mengabaikan potensi mafsadah yang menyertainya.

Kajian ini turut membawa implikasi dasar yang releven kepada penggubal dasar zakat pada peringkat kebangsaan dan negeri. Cadangan utama ialah pembentukan Garis Panduan Tadbir Urus Digital Zakat Berasaskan Maqasid Syariah yang dapat dijadikan rujukan seragam oleh semua institusi zakat negeri, memandangkan pada masa ini setiap institusi cenderung membangunkan sistem digital secara berasingan tanpa piawaian bersama. Garis panduan sedemikian perlu merangkumi keperluan minimum perlindungan data, protokol keselamatan siber, mekanisme pengawasan manusia serta prosedur pengauditan Maqasid yang seragam merentasi semua institusi zakat. Selain itu, penggubal dasar turut perlu mempertimbangkan keperluan latihan literasi digital khusus bagi golongan asnaf, bagi memastikan manfaat transformasi digital dapat dinikmati secara saksama tanpa mengira tahap celik teknologi. Kerjasama antara institusi zakat, badan kawal selia kewangan Islam serta pakar keselamatan siber turut perlu dipertingkatkan bagi memastikan garis panduan yang dibentuk benar-benar praktikal dan relevan dengan cabaran teknologi semasa. Justeru, kajian ini menyediakan asas awal yang boleh dikembangkan lebih lanjut oleh pihak berkuasa berkaitan dalam usaha menggubal dasar tadbir urus digital

zakat yang lebih komprehensif. Seperti kajian konsep yang lain, kajian ini turut mempunyai beberapa batasan yang perlu diambil kira semasa mentafsir dapatannya. Batasan pertama ialah keterbatasan sumber dokumentari, kerana kajian ini bergantung sepenuhnya kepada bahan bertulis yang tersedia secara umum, tanpa akses kepada data dalaman institusi zakat yang mungkin bersifat sulit. Batasan kedua ialah keterbatasan data awam, memandangkan tidak semua institusi zakat menyediakan tahap ketelusan pelaporan yang sama, sekali gus mengehadkan kedalaman analisis bagi sesetengah institusi berbanding yang lain. Batasan ketiga ialah keterbatasan interpretatif, kerana proses pengekodan tematik yang dijalankan tetap tertakluk kepada tafsiran penyelidik walaupun pelbagai langkah kebolehpercayaan telah diambil. Batasan keempat ialah keterbatasan temporal, kerana teknologi digital dan lanskap kecerdasan buatan berkembang dengan pantas sehingga sesetengah dapatan mungkin memerlukan kemas kini dalam tempoh yang agak singkat. Kebolehpindahan dapatan kajian ini kepada konteks negara lain turut perlu dilakukan secara berhati-hati, memandangkan struktur tadbir urus zakat di Malaysia mempunyai ciri tersendiri yang mungkin tidak sepenuhnya sama dengan negara lain. Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kerangka konseptual yang dibangunkan dalam kajian ini bukan sekadar sumbangan teoretikal semata-mata, sebaliknya turut membawa implikasi praktikal dan dasar yang releven kepada pelbagai pihak berkepentingan. Kesepaduan antara implikasi teori, praktikal dan dasar ini mencerminkan hasrat kajian ini untuk menghasilkan sumbangan yang seimbang antara kedalaman akademik dan kebolehgunaan praktikal, bukan sekadar perbincangan konsep yang tidak dapat diaplikasikan dalam realiti operasi institusi zakat. Perbincangan ini turut menegaskan bahawa penilaian Maqasid terhadap teknologi bukanlah proses sekali sahaja, sebaliknya perlu dilaksanakan secara berterusan seiring dengan perkembangan teknologi baharu yang sentiasa muncul. Pendekatan berterusan ini penting bagi memastikan institusi zakat sentiasa peka terhadap potensi mafsadah baharu yang mungkin timbul akibat teknologi yang sebelum ini dianggap selamat. Walaupun kajian ini mempunyai beberapa batasan sebagaimana dihuraikan sebelum ini, sumbangan kerangka konseptual yang ditawarkan tetap releven sebagai titik permulaan bagi kajian lanjutan yang lebih mendalam pada masa hadapan.

9. Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti fenomena transformasi digital institusi zakat di Malaysia menerusi lensa Maqasid Syariah, dengan tumpuan khusus terhadap keseimbangan antara maslahah dan mafsadah yang terhasil daripada penggunaan teknologi digital. Dapatan sintesis menunjukkan bahawa transformasi digital zakat membawa maslahah ketara dari sudut kebolehcapaian, kecekapan dan ketelusan, namun pada masa yang sama turut mendedahkan institusi zakat kepada mafsadah baharu seperti risiko privasi, kerentanan keselamatan siber dan keterasingan digital. Penilaian terhadap lima daruriyyat Maqasid Syariah menunjukkan bahawa hifz al-mal dan hifz al-nafs paling ketara terkesan oleh transformasi digital, manakala hifz al-'aql releven dikaitkan dengan keperluan literasi digital yang mencukupi. Hasil sintesis ini seterusnya membentuk Kerangka Tadbir Urus Digital Zakat Berasaskan Maqasid Syariah sebagai sumbangan teras kajian, yang menghujahkan bahawa kecekapan teknologi semata-mata tidak mencukupi tanpa disertai mekanisme tadbir urus yang menyeimbangkan penciptaan maslahah dengan pencegahan mafsadah secara serentak. Sumbangan kajian ini merangkumi interpretasi transformasi digital berasaskan Maqasid Syariah, lensa analitik dwi-dimensi maslahah-mafsadah, kerangka tadbir urus digital zakat yang bersepadu, serta perspektif kematangan digital institusi Islam yang lebih menyeluruh. Kajian ini menegaskan bahawa penilaian kejayaan transformasi digital institusi zakat perlu melangkaui pengukuran kecekapan teknikal semata-mata, sebaliknya perlu turut mengambil kira sejauh mana ia benar-benar menghasilkan maslahah dan memelihara Maqasid Syariah secara menyeluruh.

Bagi memperkukuh lagi kerangka konseptual yang dibangunkan, beberapa hala tuju kajian akan datang dapat dicadangkan. Kajian kes secara mendalam terhadap institusi zakat tertentu boleh dilaksanakan bagi mengesahkan kesahihan kerangka ini dalam konteks amalan sebenar, disertai temu bual bersama pihak pengurusan dan pegawai institusi zakat bagi mendapatkan perspektif dalaman yang lebih terperinci. Kajian lanjutan turut wajar meneroka perspektif asnaf secara langsung, memandangkan kajian ini lebih tertumpu kepada perspektif institusi berbanding pengalaman sebenar penerima manfaat zakat. Kajian perbandingan merentas negara seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei turut berpotensi memperkaya pemahaman tentang variasi amalan tadbir urus digital zakat dalam konteks serantau yang mempunyai persamaan budaya dan agama. Aspek tadbir urus kecerdasan buatan secara khusus turut wajar diberi perhatian lanjut memandangkan perkembangan pesat teknologi tersebut dalam pelbagai sektor kewangan, termasuk kewangan sosial Islam. Akhir sekali, pembangunan Indeks Digital Zakat Berasaskan Maqasid turut dicadangkan sebagai kesinambungan praktikal kepada kerangka konseptual ini, bagi membolehkan penilaian kematangan digital institusi zakat dilakukan secara lebih terukur dan berstruktur pada masa hadapan.

Rujukan

Ahmad, N. F. G., & Zainan, N. I. N. (2025). AI, Shariah governance, and Maqasid Shariah in Islamic finance. International Journal of Research and Innovation in Social Science, 9(9), 9972–9977.

Ahmed, S. K. (2024). The pillars of trustworthiness in qualitative research. Journal of Medicine, Surgery, and Public Health, 2, Article 100051. https://doi.org/10.1016/j.glmedi.2024.100051

Auda, J. (2022). Re-envisioning Islamic scholarship: Maqasid methodology as a new approach. Claritas Books.

Bin-Nashwan, S. A., Shah, M. H., Abdul-Jabbar, H., & Al-Ttaffi, L. H. A. (2023). Social-related factors in integrated UTAUT model for ZakaTech acceptance during the COVID-19 crisis. Journal of Islamic Accounting and Business Research, 14(8), 1383–1403. https://doi.org/10.1108/JIABR-02-2022-0038

Elmahjub, E. (2023). Artificial intelligence (AI) in Islamic ethics: Towards pluralist ethical benchmarking for AI. Philosophy & Technology, 36(4), Article 73. https://doi.org/10.1007/s13347-023-00668-x

Ghofar, A., Fawwaz, M., Prestianawati, S. A., Mubarak, M. F., Manzilati, A., & Imamia, T. L. (2024). Young Muslim generation's preferences for using digital platforms for zakat payments: A cross-country study of Indonesia and Malaysia. Journal of Infrastructure, Policy and Development, 8(6), Article 3249. https://doi.org/10.24294/jipd.v8i6.3249

Hadi, R., Shafrani, Y. S., Hilyatin, D. L., Riyadi, S., & Basrowi. (2024). Digital zakat management, transparency in zakat reporting, and the zakat payroll system toward zakat management accountability and its implications on zakat growth acceleration. International Journal of Data and Network Science, 8(1), 597–608. https://doi.org/10.5267/j.ijdns.2023.8.025

Hanelt, A., Bohnsack, R., Marz, D., & Antunes Marante, C. (2021). A systematic review of the literature on digital transformation: Insights and implications for strategy and organizational change. Journal of Management Studies, 58(5), 1159–1197. https://doi.org/10.1111/joms.12639

Kannike, U. M. M., & Fahm, A. O. (2025). Exploring the ethical governance of artificial intelligence from an Islamic ethical perspective. Jurnal Fiqh, 22(1), 134–158. https://doi.org/10.22452/fiqh.vol22no1.5

Kanwal, A., Tayyab, M., & Idrees, S. (2023). Exploring the nexus of financial technologies, financial inclusion, and blockchain in Islamic finance within digital transformation. Pakistan Journal of Humanities and Social Sciences, 11(4). https://doi.org/10.52131/pjhss.2023.1104.0675

Katterbauer, K., Syed, H., & Cleenewerck, L. (2022). Financial cybercrime in the Islamic finance metaverse. Journal of Metaverse, 2(2), 56–63. https://doi.org/10.57019/jmv.1108783

Mbaidin, H. O., Sbaee, N. Q., AlMubydeen, I. O., Chindo, U. M., & Alomari, K. M. (2023). The role of AI integration and governance standards: Enhancing financial reporting quality in Islamic banking. Decision Science Letters, 13(1), 83–96. https://doi.org/10.5267/j.dsl.2023.12.001

Mohammed, T. A. S. (2024). A scientometric study of Maqasid al-shariah research: Trending issues, hotspot research, and co-citation analysis. Frontiers in Research Metrics and Analytics, 9, Article 1439407. https://doi.org/10.3389/frma.2024.1439407

Naeem, M., Ozuem, W., Howell, K., & Ranfagni, S. (2023). A step-by-step process of thematic analysis to develop a conceptual model in qualitative research. International Journal of Qualitative Methods, 22. https://doi.org/10.1177/16094069231205789

Nazeri, A. N. N., Nor, S. M., Abdul-Rahman, A., Abdul-Majid, M., & Hamid, S. N. A. (2023). Exploration of a new zakat management system empowered by blockchain technology in Malaysia. ISRA International Journal of Islamic Finance, 15(4), 127–147. https://doi.org/10.55188/ijif.v15i4.568

Saad, R. A. J., Ahmi, A., Sawandi, N., & Abdul Aziz, N. M. (2023). Zakat administration reformation towards an effective and efficient zakat revenue generation. Journal of Islamic Accounting and Business Research, 14(8), 1232–1260. https://doi.org/10.1108/JIABR-05-2021-0151

Saro, N., Bhari, A., Rani, A. M., & Yusof, M. F. M. (2023). Analysis of digital zakat payment implementation: A comparison in Southeast Asia. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 13(5), 1743–1749.

Verhoef, P. C., Broekhuizen, T., Bart, Y., Bhattacharya, A., Dong, J. Q., Fabian, N., & Haenlein, M. (2021). Digital transformation: A multidisciplinary reflection and research agenda. Journal of Business Research, 122, 889–901. https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.09.022

Wahab, A., & Mahdiya, I. (2025). Digital Shariah governance and the future of Islamic finance: A framework for AI-driven Shariah compliance in a global regulatory environment. International Journal of Islamic Finance, 3(2), 19–31.

Wicaksana, K. P., Alfath, T. P., & Kuswanto, H. (2026). Personal data protection in the digital era: A Maqasid al-Shariah perspective on contemporary legal challenges. MIZAN: Journal of Islamic Law, 14(1), 114–122. https://doi.org/10.32832/mizan.v14i1.24363